

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN KETUA EKSEKUTIF CIDB HOLDINGS

PWTC, Kuala Lumpur- CIDB Holdings Sdn Bhd (CIDBH) hari ini mengumumkan Supian Musa, 55 Tahun sebagai Ketua Eksekutif (CEO) baharunya berkuatkuasa pada 2 Januari 2019 . Pelantikan beliau adalah menggantikan penjawat sebelumnya iaitu, Sr Abdul Latif Hitam yang bersara wajib pada 24 November 2018.

Beliau berpengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai bidang termasuk pentadbiran dan pengurusan korporat terutamanya di dalam latihan kemahiran dan teknikal industri pembinaan. Malah beliau pernah menjadi Pegawai Pendidikan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia selama 11 tahun di awal kerjaya beliau.

Supian yang berasal daripada Gemas Negeri Sembilan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Sebelum perlantikannya di CIDB Holdings, Supian Musa merupakan Ketua Pegawai Operasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Selatan selama 15 Tahun, dua pejabat cawangan (Melaka dan penggerang) serta dua anak syarikat (ABM Management Service dan ABM TWI) dibangunkan dibawah pentadbiran beliau .



Supian Musa
Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn Bhd